

# MRT Corp buka bidaan 41 ruang niaga

**MASS** Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) membuka bidaan untuk 41 ruang niaga yang bertempat di semua 21 stesen bertingkat Aliran MRT Sungai Buloh-Kajang.

MRT Corp dalam satu kenyataan berkata, pihak yang berminat perlu mengemukakan cadangan perniagaan dan bidaan mereka menjelang 18 April 2016.

Pengarah Pengurusan Tanah Komersial, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, syarikat itu berharap dapat menganugerahkan ruang yang dibida kepada penyewa yang berjaya pada akhir Jun 2016.

“Kira-kira 30 peratus daripada unit yang diperuntukkan diberikan kepada usahawan Bumiputera.

“Kami sedang mencari peruncit dengan idea-idea dan perkhidmatan perniagaan yang menarik, sesuai untuk pergerakan pantas penumpang serta gaya hidup bandar,” katanya.

Haris berkata, peniaga kecil dan tempatan digalakkan memohon.

“MRT Corp akan membuka lebih banyak ruang runcit di masa akan datang,” katanya.

Maklumat boleh diperolehi melalui *mymrt.com.my*.

Aliran MRT Sungai Buloh-Kajang dijadual memulakan operasi menjelang akhir tahun ini. - *Bernama*